

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN :**

**YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- a. jumlah dalam sektor Kerajaan dan swasta serta kos melatih seorang pakar kulit; dan
- b. jumlah yang diperlukan dalam perkhidmatan Kerajaan dan mengapakah tiada program sarjana dalam dermatologi di universiti tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 3,911 orang Pegawai Perubatan Pakar sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 21 orang Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang dermatologi yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara umumnya, keperluan sesuatu kepakaran termasuklah bidang kepakaran kulit adalah tertakluk kepada perancangan perkembangan

perkhidmatan dan kemampuan kerajaan dalam menyediakan infrastruktur. Pada masa ini, KKM mempunyai 25 orang Pakar Kulit dan 16 orang pakar yang sedang menjalani latihan subkepakaran kulit.

Sebagai makluman, Program Sarjana Lanjutan Dermatologi (*Advanced Master in Dermatology*) telah lama dilaksanakan di Universiti Kebangsaan Malaysia. KKM juga telah melaksanakan latihan dalam bidang Dermatologi sebagai bidang subkepakaran sejak tahun 2001.